



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN DISPOSISI PEMIKIRAN KRITIS DENGAN GAYA PENGAJARAN
INKUIRI DALAM KALANGAN GURU SAINS DAERAH HULU LANGAT***

AZLIDA BINTI MOHAMAD

FPP 2015 2



**HUBUNGAN DISPOSISI PEMIKIRAN KRITIS DENGAN GAYA
PENGAJARAN INKUIRI DALAM KALANGAN GURU SAINS DAERAH
HULU LANGAT**

Oleh

AZLIDA BINTI MOHAMAD

Tesis Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains

Jun 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**HUBUNGAN DISPOSISI PEMIKIRAN KRITIS DENGAN GAYA
PENGAJARAN INKUIRI DALAM KALANGAN GURU SAINS DAERAH
HULU LANGAT**

Oleh

AZLIDA BINTI MOHAMAD

Jun 2015

Pengerusi: Profesor Madya Tajularipin Sulaiman, PhD

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Manusia tidak dilahirkan dengan pemikiran kritis, sebaliknya kemahiran ini perlu dibina dan diserahkan. Pemikiran kritis atau kritikal merangkumi kemahiran berfikir kritis dan disposisi pemikiran kritis. Dalam usaha membangunkan kemahiran berfikir kritis pelajar, guru terlebih dahulu perlu menguasai kemahiran ini dan dalam masa yang sama mempraktikkan disposisi pemikiran kritis melalui pelaksanaan pedagogi pengajaran yang spesifik. Pendekatan pengajaran konvensional yang melibatkan pelajar secara pasif dalam proses pemerolehan ilmu sama sekali tidak menggalakkan mereka berfikir. Situasi ini dilihat menjadi punca utama pencapaian pelajar Malaysia yang tidak memberangsangkan dalam pentaksiran antarabangsa.

Memandangkan guru adalah individu yang secara langsung berperanan meningkatkan pemikiran kritis pelajar, justeru, kajian ini memberi fokus kepada guru dalam mengenal pasti tahap disposisi pemikiran kritis mereka dan tahap gaya pengajaran inkuiri yang mereka laksanakan. Kajian ini juga berperanan mengenal pasti perbezaan tahap disposisi pemikiran kritis dan gaya pengajaran inkuiri dari aspek pengalaman mengajar. Dapatan kajian memberi input mengenai hubungan disposisi pemikiran kritis dengan gaya pengajaran inkuiri guru. Dua konstruk terlibat dalam kajian ini iaitu disposisi pemikiran kritis dan gaya pengajaran inkuiri. Disposisi pemikiran kritis diukur berdasarkan tujuh subskala iaitu berfikiran terbuka, analitikal, mencari kebenaran, sistematis, berkeyakinan diri, kematangan dan sifat ingin tahu. Gaya pengajaran inkuiri pula mempunyai empat peringkat pelaksanaan iaitu pengesahan, inkuiri berstruktur, inkuiri terbimbing dan inkuiri terbuka.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kolerasi. Seramai 230 responden iaitu guru sains dari 26 buah sekolah di daerah Hulu Langat, Selangor terlibat. Instrumen adalah berdasarkan instrumen kajian lepas dan pengubahsuaiannya terhadap item dilakukan agar ia relevan dengan kajian semasa. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara deskriptif, ANOVA dan korelasi dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 21.0.

Analisis deskriptif dilakukan untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai pemboleh ubah. Analisis deskriptif menunjukkan responden mempunyai tahap

disposisi pemikiran kritis yang tinggi ($M=3.86$, $S.P.=0.258$) terutamanya bagi subskala analitik dan kerap melaksanakan pengajaran inkuiri ($M=3.95$, $S.P.=0.385$) khususnya peringkat inkuiri terbimbing. Ini memberi gambaran bahawa responden mempunyai motivasi dalaman yang tinggi untuk menggunakan kemahiran berfikir kritis dalam proses pengajaran dan aplikasi dunia luar. Responden juga peka akan keperluan untuk melaksanakan kaedah pengajaran berkesan dalam menarik minat pelajar terhadap pelajaran sains.

Bagi faktor pengalaman mengajar pula, analisis inferensi menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kumpulan guru baru, guru pertengahan dan guru senior bagi konstruk disposisi pemikiran kritis ($F(2,227)=0.081$, $p=0.922$) dan konstruk gaya pengajaran inkuiri ($F(2,227)=0.683$, $p=0.506$). Keadaan ini menjelaskan bahawa pengalaman atau tempoh mengajar tidak mempengaruhi tahap disposisi pemikiran kritis dan gaya pengajaran inkuiri guru.

Dapatkan inferensi turut membuktikan terdapat korelasi yang sederhana kuat ($r=0.344$, $p=0.0001$) antara disposisi pemikiran kritis dengan gaya pengajaran inkuiri. Ini menjelaskan bahawa semakin tinggi tahap disposisi guru sains terhadap pemikiran kritis, semakin tinggi tahap amalan praktis dalam gaya pengajaran inkuiri. Kajian ini diharap dapat menjadi satu bentuk penilaian terhadap kebolehan guru dalam menguasai kemahiran berfikir dan tahap pelaksanaan pedagogi pengajaran yang efektif sekaligus menyumbang kepada keberkesanan sistem pendidikan negara.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**RELATIONSHIP BETWEEN CRITICAL THINKING DISPOSITION WITH
INQUIRY TEACHING STYLE AMONG SCIENCE TEACHERS IN DISTRICT
OF HULU LANGAT**

By

AZLIDA BINTI MOHAMAD

June 2015

Chair: Associate Professor Tajularipin Sulaiman, PhD

Faculty: Educational Studies

Humans are not born with critical thinking, but these skills should be built and strengthened. Critical thinking comprises of skill and disposition. In order to developing student's critical thinking, teachers first need to master this skill as well as practice dispositional thinking through the implementation of specific teaching pedagogy. Traditional teaching approach that involves students passively in the process of knowledge acquisition is absolutely discouraging them to think. This condition is seen to be a main reason of dissatisfied Malaysian student's achievement in international assessments.

Teachers are individuals who are directly in charge to enrich students' critical thinking, thus, this study focuses on identifying teacher's level of critical thinking disposition and level of inquiry teaching style execution. This study also attempts to recognize any significant different existed for critical thinking dispositions and inquiry teaching style based on teaching experience. The results also explained relationship between critical thinking dispositions and teacher's inquiry teaching style. The study involved two constructs, critical thinking disposition and inquiry teaching style. Critical thinking disposition measured by seven aspects of open-minded, analytical, truth-seeking, systematic, self-confidence, maturity and inquisitiveness. Inquiry teaching style has four proficiency levels which are confirmation, structured inquiry, guided inquiry and open inquiry.

This study employed correlation design. A total of 230 respondents' science teachers from 26 schools in Hulu Langat district, Selangor get involved. The instrument used was constructed by previous research and modification was done in ensure they are relevant to the current study. The data were analyzed using descriptive statistics, ANOVA and correlation by using software Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 21.0.

Descriptive analysis was done to obtain mean and standard deviation value for each variable. Descriptive analysis showed the respondents have a high level of critical thinking disposition ($M=3.86$, $S.D.=0.258$) especially for analytical subscale and

regularly execute inquiry teaching ($M=3.95$, $S.D.=0.385$) particularly guided inquiry. This result explain the respondents have high motivation in applying critical thinking skills in their teaching and also routine live. Besides, respondents alerts with necessity of using effective teaching method in order to maximize interest among students toward science lesson.

For the teaching experience factor, inferential analysis showed no significant differences between new teachers, middle teachers or senior teachers for critical thinking disposition ($F(2,227)=0.081$, $p=0.922$) and inquiry teaching style ($F(2,227)=0.683$, $p=0.506$). This result expose experience or duration being a teacher not affects the level of critical thinking disposition and inquiry teaching style execution.

The outcomes prove that there is a moderate correlation ($r=0.344$, $p=0.0001$) between critical thinking disposition and inquiry teaching style among science teachers. Therefore, it explained the execution of inquiry teaching style also related to critical thinking disposition. This study is optimistic in assessing the ability of teachers in critical thinking and the level of implementation of an effective teaching pedagogy in addition to contributing to the effectiveness of Malaysia's education system.

PENGHARGAAN

Bismillahhirrahmanirrahim. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi dengan izin-Nya, saya berjaya menamatkan pengajian ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Pertamanya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Tajularipin Sulaiman dan ahli jawatankuasa penyeliaan iaitu Dr. Roselan Baki di atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan sokongan dalam melancarkan pelaksanaan kajian ini. Saya turut berterima kasih kepada pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang terlibat dalam menilai instrumen kajian ini. Selain itu, terima kasih kepada pengetua sekolah yang terlibat khususnya En. Abdul Ghaffar bin Kunchi Mohd, pengetua SMK Engku Husain, Semenyih yang banyak membantu dalam proses pengumpulan data kajian. Tidak dilupakan terima kasih juga untuk kedua ibu bapa saya, ahli keluarga dan rakan-rakan yang banyak memberi dorongan, motivasi dan semangat dalam menamatkan pengajian ini. Akhir sekali, saya menghargai dan berterima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menyokong dan membantu menyempurnakan tesis ini. Amin.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (12 Jun 2015) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Azlida binti Mohamad bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Hubungan Disposisi Pemikiran Kritis dengan Gaya Pengajaran Inkuiiri dalam kalangan Guru Sains Daerah Hulu Langat” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U. (A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Nor Hayati Alwi, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Ahmad Fauzi Mohd Ayub, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Effandi Zakaria, PhD

Profesor Madya

Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Bangi, Malaysia

(Pemeriksa Luar)

(Zulkarnain Zainal, PhD)

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Ogos 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Tajularipin Sulaiman, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Roselan Baki, PhD

Pensyarah Kanan,

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Azlida binti Mohamad (GS32781)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan

Tajularipin Sulaiman, PhD

Tandatangan:

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

Roselan Baki, PhD

JADUAL KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|--|------------|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | iii |
| PENGHARGAAN | v |
| PENGESAHAN | vi |
| PERAKUAN | viii |
| SENARAI JADUAL | xv |
| SENARAI RAJAH | xvii |
| SENARAI SINGKATAN | xviii |
| SENARAI LAMPIRAN | xx |
| BAB | |
| 1 PENGENALAN | |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.1.1 Disposisi Pemikiran Kritis | 1 |
| 1.1.2 Gaya Pengajaran Inkuiiri | 2 |
| 1.2 Pernyataan Masalah | 2 |
| 1.3 Objektif Kajian | 5 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 5 |
| 1.5 Hipotesis Kajian | 5 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 6 |
| 1.7 Skop dan Limitasi Kajian | 7 |
| 1.8 Definisi Konstitutif dan Operasi | 7 |
| 1.8.1 Disposisi Pemikiran Kritis | 7 |
| 1.8.1.1 Analitik | 7 |
| 1.8.1.2 Berfikiran Terbuka | 8 |
| 1.8.1.3 Kematangan | 8 |
| 1.8.1.4 Sikap Ingin Tahu | 8 |
| 1.8.1.5 Mencari Kebenaran | 8 |
| 1.8.1.6 Sistematik | 9 |
| 1.8.1.7 Berkeyakinan Diri | 9 |
| 1.8.2 Gaya Pengajaran Inkuiiri | 9 |
| 1.8.2.1 Peringkat Pertama (P1): Pengesahan | 9 |
| 1.8.2.2 Peringkat Kedua (P2): Inkuiiri Berstruktur | 10 |

| | |
|---|----|
| 1.8.2.3 Peringkat Ketiga (P3): Inkuiiri Terbimbing | 10 |
| 1.8.2.4 Peringkat Keempat (P4): Inkuiiri Terbuka | 10 |
| 1.8.3 Pengalaman Mengajar | 10 |
| 1.9 Kesimpulan | 11 |
| 2 TINJAUAN LITERATUR | |
| 2.1 Pendahuluan | 12 |
| 2.2 Kemahiran Berfikir | 12 |
| 2.2.1 Kategori Aras Pemikiran | 12 |
| 2.2.2 Pemikiran Kritis | 14 |
| 2.2.2.1 Ciri-ciri Pemikiran Kritis | 16 |
| 2.2.2.2 Disposisi Pemikiran Kritis | 16 |
| 2.2.2.3 Subskala Disposisi Pemikiran Kritis | 20 |
| 2.2.3 Kemahiran Berfikir Kritis dan Disposisi Pemikiran Kritis | 20 |
| 2.3 Gaya Pengajaran Inkuiiri | 21 |
| 2.3.1 Teori Berkaitan Pengajaran Inkuiiri | 23 |
| 2.3.1.1 Teori Perkembangan Kognitif Piaget | 24 |
| 2.3.1.2 Teori Konstruktivisme | 25 |
| 2.3.1.3 Teori Perkembangan Bruner | 26 |
| 2.3.2 Model Gaya Pengajaran Inkuiiri | 27 |
| 2.3.2.1 Model Inkuiiri Suchman | 27 |
| 2.3.2.2 Model Pengajaran Inkuiiri Kennedy | 29 |
| 2.3.2.3 Model Inkuiiri Bahagian Perkembangan Kurikulum | 29 |
| 2.3.2.4 Model 5E | 30 |
| 2.3.2.5 Model Pengajaran Sains Secara Inkuiiri | 31 |
| 2.3.2.6 Perkaitan Model-model Gaya Pengajaran Inkuiiri | 33 |
| 2.3.3 Peringkat Gaya Pengajaran Inkuiiri | 33 |
| 2.4 Kajian Lepas mengenai Disposisi Pemikiran Kritis dan Gaya Pengajaran Inkuiiri | 35 |
| 2.5 Pengalaman Mengajar | 37 |
| 2.6 Kerangka Teori | 38 |
| 2.7 Kerangka Konseptual | 39 |
| 2.8 Kesimpulan | 40 |

METODOLOGI

| | | |
|-------|---|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 41 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 41 |
| 3.3 | Lokasi Kajian | 41 |
| 3.4 | Populasi dan Persampelan | 42 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 44 |
| 3.5.1 | Bahagian A: Maklumat Demografi | 44 |
| 3.5.2 | Bahagian B: Disposisi Pemikiran Kritis | 45 |
| 3.5.3 | Bahagian C: Gaya Pengajaran Inkuiri | 46 |
| 3.6 | Kesahan Instrumen Kajian | 46 |
| 3.7 | Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian | 47 |
| 3.8 | Prosedur Pengumpulan Data | 48 |
| 3.9 | Analisis Penerokaan Data (APD) | 49 |
| 3.10 | Analisis Data | 53 |
| 3.11 | Kesimpulan | 55 |

DAPATAN KAJIAN

| | | |
|---------|---|----|
| 4.1 | Pendahuluan | 56 |
| 4.2 | Analisis Deskriptif Kekerapan dan Peratusan Maklumat Demografi | 56 |
| 4.2.1 | Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah | 56 |
| 4.2.2 | Taburan Responden Mengikut Jenis Sekolah | 57 |
| 4.2.3 | Taburan Responden Mengikut Jantina | 57 |
| 4.2.4 | Taburan Responden Mengikut Bangsa | 57 |
| 4.2.5 | Taburan Responden Mengikut Pendidikan Tertinggi | 58 |
| 4.2.6 | Taburan Responden Mengikut Tempoh Bekerja Sebagai Guru | 58 |
| 4.2.7 | Taburan Responden Mengikut Subjek yang Diajar | 59 |
| 4.2.8 | Taburan Responden Mengajar Subjek yang Dipelajari Semasa Latihan Akademik | 59 |
| 4.2.9 | Taburan Responden Mengikut Jawatan Pentadbiran yang Disandang | 59 |
| 4.3 | Analisis Deskriptif Nilai Min dan Sisihan Piawai | 60 |
| 4.3.1 | Tahap Disposisi Pemikiran Kritis | 60 |
| 4.3.1.1 | Analisis Item Subskala Analitikal | 61 |
| 4.3.1.2 | Analisis Item Subskala Berfikiran Terbuka | 62 |
| 4.3.1.3 | Analisis Item Subskala Kematangan | 62 |

| | | |
|----------|---|----|
| 4.3.1.4 | Analisis Item Subskala Sifat Ingin Tahu | 63 |
| 4.3.1.5 | Analisis Item Subskala Mencari Kebenaran | 63 |
| 4.3.1.6 | Analisis Item Subskala Sistematik | 64 |
| 4.3.1.7 | Analisis Item Subskala Berkeyakinan Diri | 65 |
| 4.3.2 | Tahap Gaya Pengajaran Inkuiiri | 66 |
| 4.3.2.1 | Analisis Item Peringkat Pertama (P1): Pengesahan | 66 |
| 4.3.2.2 | Analisis Item Peringkat Kedua (P2): Inkuiiri Berstruktur | 67 |
| 4.3.2.3 | Analisis Item Peringkat Ketiga (P3): Inkuiiri Terbimbang | 68 |
| 4.3.2.4 | Analisis Item Peringkat Keempat (P4): Inkuiiri Terbuka | 69 |
| 4.4 | Analisis Inferensi Perbezaan antara Min | 70 |
| 4.4.1 | Analisis Disposisi Pemikiran Kritis Berdasarkan Pengalaman mengajar | 70 |
| 4.4.2 | Analisis Gaya Pengajaran Inkuiiri Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 71 |
| 4.5 | Analisis Inferensi Korelasi | 72 |
| 4.5.1 | Analisis Korelasi antara Disposisi Pemikiran Kritis dengan Gaya Pengajaran Inkuiiri | 72 |
| 4.7 | Kesimpulan | 74 |
| 5 | PERBINCANGAN | |
| 5.1 | Pendahuluan | 75 |
| 5.2 | Perbincangan Dapatan Kajian | 75 |
| 5.2.1 | Tahap Disposisi Pemikiran Kritis | 75 |
| 5.2.2 | Perbezaan antara Tahap Disposisi Pemikiran Kritis dengan Faktor Jantina dan Pengalaman Mengajar | 77 |
| 5.2.3 | Tahap Gaya Pengajaran Inkuiiri | 77 |
| 5.2.4 | Perbezaan antara Tahap Gaya Pengajaran Inkuiiri dengan Faktor Jantina dan Pengalaman Mengajar | 78 |
| 5.2.5 | Korelasi dan Pengaruh antara Disposisi Pemikiran Kritis dengan Gaya Pengajaran Inkuiiri | 79 |
| 5.3 | Kesimpulan | 79 |

| | | |
|---------------------------|--|-----|
| 6 | RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN PENYELIDIKAN AKAN DATANG | |
| 6.1 | Rumusan | 80 |
| 6.2 | Kesimpulan | 80 |
| 6.3 | Cadangan Penyelidikan Akan Datang | 81 |
| BIBLIOGRAFI | | 82 |
| LAMPIRAN | | 99 |
| BIODATA PELAJAR | | 118 |
| SENARAI PENERBITAN | | 119 |



SENARAI JADUAL

| Jadual | Muka Surat |
|---|-------------------|
| 1.1 Kedudukan Malaysia dalam subjek sains daripada dapatan kajian TIMSS 1999 hingga 2011 (sampel kajian adalah pelajar tingkatan dua) | 3 |
| 1.2 Kedudukan Malaysia dalam subjek sains daripada dapatan kajian PISA 2009 dan 2012 (sampel kajian adalah pelajar tingkatan tiga) | 3 |
| 1.3 Peratus pelajar mendapat ‘A’ bagi subjek sains dalam peperiksaan PMR 2011 | 3 |
| 2.1 Definisi subskala kemahiran berfikir kritis | 15 |
| 2.2 Ringkasan tahap pengajaran inkuiri (BPK, 2001) | 34 |
| 3.1 Ringkasan maklumat populasi | 41 |
| 3.2 Taburan responden mengikut sekolah | 42 |
| 3.3 Bahagian dalam instrumen soal selidik | 43 |
| 3.4 Pembahagian item mengikut subskala disposisi pemikiran kritis | 44 |
| 3.5 Pembahagian item mengikut peringkat gaya pengajaran inkuiri | 45 |
| 3.6 Skor kesahan bagi setiap konstruk dan subskala dalam instrumen | 46 |
| 3.7 Nilai pekali Alpha Cronbach bagi setiap konstruk dan subskala dalam instrumen | 47 |
| 3.8 Nilai <i>skewness</i> dan <i>kurtosis</i> bagi konstruk disposisi pemikiran kritis | 51 |
| 3.9 Nilai <i>skewness</i> dan <i>kurtosis</i> bagi konstruk gaya pengajaran inkuiri | 51 |
| 3.10 Skala Likert lima mata | 52 |
| 3.11 Kaedah analisis yang digunakan dalam kajian | 52 |
| 3.12 Julat skor min | 52 |
| 3.13 Kekuatan Korelasi Cohen (1988) | 53 |
| 4.1 Taburan responden mengikut lokasi sekolah | 55 |
| 4.2 Taburan responden mengikut jenis sekolah | 55 |
| 4.3 Taburan responden mengikut jantina | 55 |
| 4.4 Taburan responden mengikut bangsa | 56 |
| 4.5 Taburan responden mengikut pendidikan tertinggi yang dicapai | 56 |
| 4.6 Taburan responden mengikut tempoh bekerja sebagai guru | 56 |
| 4.7 Taburan responden mengikut subjek yang diajar di sekolah | 57 |
| 4.8 Taburan responden sama ada mengajar subjek yang dipelajari semasa latihan akademik atau tidak | 57 |
| 4.9 Taburan responden mengikut jawatan pentadbiran yang disandang di sekolah | 58 |
| 4.10 Analisis tahap disposisi pemikiran kritis mengikut subskala | 59 |

| | | |
|------|---|----|
| 4.11 | Analisis item subskala analitikal | 59 |
| 4.12 | Analisis item subskala berfikiran terbuka | 60 |
| 4.13 | Analisis item subskala kematangan | 61 |
| 4.14 | Analisis item subskala sifat ingin tahu | 61 |
| 4.15 | Analisis item subskala mencari kebenaran | 62 |
| 4.16 | Analisis item subskala sistematik | 63 |
| 4.17 | Analisis item subskala berkeyakinan diri | 63 |
| 4.18 | Analisis tahap gaya pengajaran inkuiri mengikut peringkat | 64 |
| 4.19 | Analisis item peringkat pertama (P1): pengesahan | 65 |
| 4.20 | Analisis item peringkat kedua (P2): inkuiri berstruktur | 66 |
| 4.21 | Analisis item peringkat ketiga (P3): inkuiri terbimbing | 67 |
| 4.22 | Analisis item peringkat keempat (P4): inkuiri terbuka | 68 |
| 4.23 | Analisis disposisi pemikiran kritis mengikut pengalaman mengajar | 69 |
| 4.24 | Analisis gaya pengajaran inkuiri mengikut pengalaman mengajar | 70 |
| 4.25 | Korelasi antara konstruk disposisi pemikiran kritis dengan keseluruhan gaya pengajaran inkuiri | 71 |
| 4.26 | Korelasi antara peringkat gaya pengajaran inkuiri dengan keseluruhan disposisi pemikiran kritis | 72 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | Muka Surat |
|--|-------------------|
| 2.1 Model Inkuiiri Suchman (1964) | 28 |
| 2.2 Perbezaan Fasa Model 5E dengan Model 7E <i>Learning Cycle in Science</i> | 31 |
| 2.3 Lima Fasa Inkuiiri TSI | 32 |
| 2.4 Peringkat Pengajaran Inkuiiri NRC (2000) | 34 |
| 2.5 Kerangka teori kajian | 38 |
| 2.6 Kerangka konseptual kajian | 39 |
| 3.1 Histogram bagi konstruk disposisi pemikiran kritis | 48 |
| 3.2 Histogram bagi konstruk gaya pengajaran inkuiiri | 49 |
| 3.3 <i>Boxplots</i> bagi konstruk disposisi pemikiran kritis | 49 |
| 3.4 <i>Boxplots</i> bagi konstruk gaya pengajaran inkuiiri | 50 |
| 3.5 <i>Normal Q-Q plot</i> bagi konstruk disposisi pemikiran kritis | 50 |
| 3.6 <i>Normal Q-Q plot</i> bagi konstruk gaya pengajaran inkuiiri | 50 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|----------------|---|
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| PPPM 2013–2025 | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 |
| APA | <i>American Philosophical Association</i> |
| BPK | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| NRC | <i>National Research Council</i> |
| NSES | <i>National Science Education Standards</i> |
| JPS | Jabatan Pelajaran Selangor |
| BPPDP | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan |
| PPD | Pejabat pendidikan daerah |
| SMK | Sekolah menengah kebangsaan |
| SBP | Sekolah berasrama penuh |
| PMR | Penilaian Menengah Rendah |
| TSI | <i>Teaching Science As Inquiry</i> |
| PKP | Pengetahuan kandungan pedagogi |
| TIMMS | <i>Trends in International Mathematics and Science Study</i> atau Jawatankuasa Kajian Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa |
| PISA | <i>Programme International Student Assessment</i> atau Program Penilaian Pelajar Antarabangsa |
| ITEQ | <i>Inquiry Teaching Effectiveness Questionnaire</i> atau Soal selidik Keberkesanan Pengajaran Inkuiiri |
| LOTS | <i>Lower order thinking skills</i> atau Kemahiran berfikir aras rendah |
| KBAT | Kemahiran berfikir aras tinggi |
| HOTs | <i>Higher order thinking skills</i> |
| LOCs | <i>Lower order cognitive skills</i> atau Kemahiran kognitif aras rendah |
| P1 | Peringkat pertama |
| P2 | Peringkat kedua |
| P3 | Peringkat ketiga |
| P4 | Peringkat keempat |
| IV | <i>Independent variable</i> atau boleh ubah bebas |
| DV | <i>Dependent variable</i> atau boleh ubah bersandar |
| SPSS | <i>Statistical Package for Social Science</i> |
| APD | Analisis Penerokaan Data |
| r | Pekali Korelasi Pearson |

| | |
|---------|------------------|
| R^2 | Pekali penentuan |
| M | Min |
| S.P. | Sisihan piawai |
| ρ | Nilai alpha |
| n | Bilangan sampel |
| B | Pekali regresi |
| β | Nilai Beta |



SENARAI LAMPIRAN

| Lampiran | | Muka Surat |
|-----------------|---|-------------------|
| A | Surat Kelulusan BPPDP, KPM | 100 |
| B | Surat Kelulusan JPS | 101 |
| C | Surat Pelantikan Pakar Penilai Instrumen Kajian | 102 |
| D | Soal Selidik | 103 |
| E | Penerbitan | 112 |
| F | Memo Penerimaan Artikel untuk Diterbitkan | 116 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Pemikiran kritis adalah kemahiran yang penting dalam melahirkan generasi berdaya saing dari segi intelektual bagi menghadapi cabaran pemerolehan ilmu masa kini. Komitmen untuk menggalakkan pemikiran kritis telah menjadi satu agenda utama pendidikan berkualiti di Malaysia. Selari dengan hasrat itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (PPPM 2013–2025, 2012) yang bertujuan mengubahsuai soalan peperiksaan dengan cara menambah peratusan bilangan soalan yang menekankan elemen penyelesaian masalah secara kritis serta berupaya menguji pemikiran aras tinggi. Pelan ini dibentuk bagi mengimbangi sistem pendidikan negara yang berorientasikan peperiksaan yang mana kurang memberi penekanan terhadap pembangunan kemahiran berfikir.

1.1.1 Disposisi Pemikiran Kritis

Kemahiran berfikir terbahagi kepada empat komponen iaitu pemikiran kritis, pemikiran kreatif, penyelesaian masalah dan membuat keputusan (Som Hj Nor & Mohd Dahalan Mohd Ramli, 1998). Pemikiran kritis terbentuk apabila seseorang individu mempunyai gabungan aspek pengetahuan dan sikap (El-Demerdash, Hawashy, Donia & Taha, 2011; Pai *et al.*, 2013). Aspek pengetahuan dan sikap ini dikenali sebagai kemahiran berfikir kritis dan disposisi pemikiran kritis (Dam & Volman, 2004; Qing, Nia & Honga, 2010).

Kemahiran berfikir kritis melibatkan tiga jenis aktiviti mental iaitu analisis, sintesis dan penilaian (Piaw, 2010). Pemikiran jenis ini merangkumi proses mencari, memperoleh, menilai, menganalisis, mensintesis dan membentuk konsep daripada maklumat sebagai garis panduan dalam proses perkembangan pemikiran (Yildirim & Özkahraman, 2011). Disposisi pemikiran kritis pula merujuk kepada semangat atau motivasi dalaman yang konsisten atau kecenderungan yang wujud dan mendorong seseorang menggunakan kemahiran berfikir secara kritis semasa proses pemikiran berlaku (Facione, 2000; Profetto, 2003; Zhang, 2003).

Sebagai rumusan, pemikiran kritis terdiri daripada komponen kemahiran berfikir kritis dan disposisi pemikiran kritis. Kedua-dua komponen ini perlu dipertingkatkan penggunaannya dalam kalangan warga pendidik terlebih dahulu sebelum dapat diterapkan secara berkesan kepada pelajar.

1.1.2 Gaya Pengajaran Inkuiri

Gaya pengajaran inkuiri adalah pendekatan pengajaran yang memerlukan pelajar terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran mereka sehingga mampu mengintegrasikan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan penerapan nilai murni serta sikap saintifik (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2001b). Ini memandangkan penglibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti pembelajaran merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi keberkesanannya sesuatu pengajaran (Mohd Razali, 2010). Pengajaran inkuiri merupakan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar yang mana guru berperanan sebagai pembimbing dalam merancang pengajaran jenis ini. Perkembangan pendidikan khususnya dalam bidang sains telah mengubah senario daripada pengajaran berpusatkan guru dan bahan kepada pengajaran berpusatkan pelajar (Von Secker, 2010). Penglibatan secara aktif memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk merancang pembelajaran mereka tanpa penerimaan ilmu daripada guru semata-mata sebaliknya mereka membina sendiri pengetahuan hasil daripada pencarian maklumat secara terperinci.

Selain memberi fokus kepada penyiasatan dan penerokaan ilmu, pengajaran inkuiri turut melibatkan proses penyoalan dan mencari jawapan kepada persoalan tersebut berdasarkan fakta dan pemerhatian (Eggen & Kauchak, 2006). Menurut Salbiah (2012), inkuiri bermaksud aktiviti mencari maklumat, menyoal dan menyiasat fenomena yang berlaku di sekeliling dan kemudiannya membuat kesimpulan. Kaedah pengajaran inkuiri menjadi kurang efektif apabila teknik pengajaran guru tidak melibatkan proses penyoalan soalan kognitif aras tinggi sekaligus menyebabkan kemahiran berfikir kritis dalam kalangan pelajar tidak berkembang (Marlina & Shaharom, 2006). Kaedah penyoalan guru yang menekankan soalan berbentuk mencapah (mengalihkan perhatian dari satu idea kepada idea lain yang berkaitan dengan idea asal) berbanding soalan berbentuk menumpu (menumpukan idea di mana ia hanya berkait tentang soalan yang hendak diketengahkan) dapat membantu membangunkan pemikiran pelajar kerana jawapannya adalah lebih subjektif (Som Hj Nor & Mohd Dahalan Mohd Ramli, 1998). Semasa menjawab persoalan, pelajar perlu meneroka dan menghubung kait pengetahuan yang sedia ada bagi mengingati fakta tanpa proses hafalan. Strategi penyoalan dalam pengajaran dan pembelajaran inkuiri menjadikan pelajar lebih bertanggungjawab untuk mengendalikan inkuiri mereka (Barrow, 2008).

Kesimpulannya, gaya pengajaran inkuiri merupakan proses penerokaan, penyiasatan dan penyoalan yang melibatkan pelajar secara aktif dalam pemerolehan maklumat atau jawapan terhadap sesuatu permasalahan atau persoalan. Hasilnya, pemahaman saintifik dapat dipertingkatkan ke tahap optimum melalui pengajaran inkuiri.

1.2 Pernyataan Masalah

Kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan merupakan penanda aras dalam menentukan keberkesanannya sistem pendidikan sesebuah negara. Kejayaan pelajar memberi gambaran bahawa pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan bermakna telah diamalkan. Pelajar perlu dinilai tahap kognitif akademiknya bagi mengetahui kualiti sistem pendidikan. Sehubungan itu, KPM telah menyertai pentaksiran antarabangsa iaitu Jawatankuasa Kajian Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (*Trends in*

International Mathematics and Science Study [TIMSS]) dan Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (*Programme International Student Assessment [PISA]*) bagi menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah menengah rendah sekaligus menggambarkan kualiti keberhasilan pendidikan. Dapatan daripada kedua-dua kajian ini mendapat berlaku kemerosotan pencapaian sains dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah menengah rendah (KPM, 2012) seperti dalam Jadual 1.1 dan Jadual 1.2.

Jadual 1.1: Kedudukan Malaysia dalam subjek sains daripada dapatan kajian TIMSS 1999 hingga 2011 (sampel kajian adalah pelajar tingkatan dua)

| Jawatankuasa Kajian Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) bagi subjek sains | | |
|--|----------------|-------------|
| Tahun | Kedudukan | Skor Purata |
| 1999 | 22 daripada 38 | 492 |
| 2003 | 20 daripada 45 | 510 |
| 2007 | 21 daripada 49 | 471 |
| 2011 | 32 daripada 42 | 426 |

(Sumber: <http://web.moe.gov.my>, 2014)

Jadual 1.2: Kedudukan Malaysia dalam subjek sains daripada dapatan kajian PISA 2009 dan 2012 (sampel kajian adalah pelajar tingkatan tiga)

| Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) bagi subjek sains | | |
|--|----------------|-------------|
| Tahun | Kedudukan | Skor Purata |
| 2009 | 53 daripada 74 | 422 |
| 2012 | 53 daripada 65 | 420 |

(Sumber: <http://web.moe.gov.my>, 2014)

Walau bagaimanapun, pencapaian pelajar didapati berbeza antara kajian TIMSS dan PISA dengan pencapaian peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Dapatan kajian TIMSS dan PISA menunjukkan kemerosotan pencapaian sains manakala keputusan peperiksaan PMR (2011) menunjukkan peningkatan bilangan pelajar mendapat ‘A’ dalam subjek sains seperti dalam Jadual 1.3.

Jadual 1.3: Peratus pelajar mendapat ‘A’ bagi subjek sains dalam peperiksaan PMR 2011

| Peperiksaan PMR bagi subjek sains | |
|--|----------------------------------|
| Tahun | Peratus pelajar mendapat ‘A’ (%) |
| 2010 | 18.5 |
| 2011 | 21.7 |

(Sumber:<http://web.moe.gov.my>, 2014)

Perbezaan pencapaian antara TIMSS dan PISA dengan peperiksaan PMR (2011) adalah berpuncu daripada bentuk dan aras soalan yang mana soalan TIMSS dan PISA berbentuk analisis dan sintesis manakala soalan peperiksaan PMR lebih berbentuk kefahaman dan aplikasi (KPM, 2012). Soalan peperiksaan PMR dilihat menjurus

kepada penghafalan maklumat dan hanya sedikit soalan yang menerapkan elemen penyelesaian masalah secara kritis. Soalan TIMSS dan PISA pula mempunyai pelbagai aras namun penyelesaiannya memerlukan operasi mental yang kritikal dan tahap kognitif yang tinggi. Kesimpulannya, kedua-dua pentaksiran antarabangsa ini menunjukkan pelajar di Malaysia sukar mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi.

Selain itu, laporan daripada PPPM 2013–2025 (2012) mendapati kualiti guru merupakan faktor berasaskan sekolah yang paling signifikan dalam menentukan keberhasilan pelajar. Ini menjelaskan bahawa keberkesan pengajaran guru merupakan penyumbang utama dalam melahirkan pelajar yang cemerlang akademiknya berbanding penyumbang berasaskan sekolah yang lain seperti suasana sekolah. Kajian pada tahun 2011 menunjukkan hanya 50 peratus pengajaran disampaikan dengan berkesan kepada pelajar dan selebihnya iaitu 50 peratus lagi menerangkan ketidakberkesan pengajaran guru. Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa kualiti penyampaian pengajaran guru di Malaysia adalah sederhana dan perlu ditingkatkan bagi memastikan keberkesan pemerolehan ilmu pelajar.

Di sekolah, kebanyakan guru masih lagi mengekalkan cara pengajaran konvensional berpusatkan guru. Tajularipin Sulaiman dan Nor Azlina Abdul Rahim (2010) menjelaskan bahawa guru sains masih kurang dalam mengamalkan pendekatan pengajaran berkesan seperti inkuiri, demonstrasi dan konstruktivisme. Tambah mereka lagi, tugas guru dalam pengajaran sains bukan sekadar memberi penjelasan dan meminta pelajar menyalin nota sebaliknya tujuan utama pengajaran sains adalah bagi memastikan pelajar berasa seronok dengan pembelajaran mereka. Zainol Budiman *et al.* (2010) pula menjelaskan bahawa kaedah pengajaran konvensional yang diamalkan oleh majoriti guru sains adalah gagal dalam meningkatkan kebolehan berfikir aras tinggi. Kaedah pengajaran konvensional yang memerlukan pelajar menghafal maklumat sama sekali tidak menggalakkan mereka berfikir (Synder & Synder, 2008). Revell dan Wainwright (2009) menjelaskan bahawa tahap perhatian atau tumpuan pelajar menurun secara mendadak selepas 20 minit pertama pengajaran konvensional kuliah. Kaedah pengajaran konvensional dilihat hanya mengutamakan aspek penguasaan kandungan berbanding kaedah pengajaran aktif yang memberi penekanan secara menyeluruh dalam pembangunan kemahiran kognitif dan komunikasi pelajar (Exley & Dennick, 2004).-Selain itu, pengajaran konvensional dianggap ketinggalan zaman kerana pengajaran jenis ini memerlukan guru menyediakan pelajar dengan bahan pengajaran sedangkan pelajar pada masa kini boleh mengakses maklumat atau fakta di hujung jari (Brown & Race, 2002). Ini bermakna, pelajar lebih memerlukan pemahaman sama ada melalui aktiviti fizikal (*hands-on*) atau pemikiran (*minds-on*) berbanding bahan pengajaran. Kesimpulannya, kaedah pengajaran konvensional adalah kurang berkesan kerana ia tidak menitikberatkan penglibatan aktif pelajar dalam proses pemerolehan ilmu.

Di samping itu, majoriti pelajar pada hari ini gagal mengembangkan kemahiran berfikir kerana mereka lebih cenderung menimba ilmu melalui teknik hafalan bagi tujuan peperiksaan sahaja. Ini seperti mana dinyatakan oleh Raja Ismail (2005) yang menyatakan bahawa pelajar berasa hebat sekiranya mereka dapat menghafal sebanyak mungkin fakta. Selain itu, teknik pembelajaran secara hafalan juga menyebabkan berlakunya ketirisan dalam kemampuan individu untuk berfikir (Awg Kasmurie, 2011) dan sama sekali tidak menggalakkan pemikiran kritis berlaku (Facione, 2013). Pada asasnya, proses hafalan berguna dalam aktiviti pembelajaran namun ia sama sekali

tidak menggalakkan pemikiran kritis (Facione, 2013). Sehubungan itu, dapat dirumuskan bahawa hafalan fakta masih menjadi keutamaan dalam pengajaran dan pembelajaran sains sekaligus mengkekang perkembangan disposisi pemikiran kritis dan amalan pengajaran aktif oleh guru.

1.3 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk melihat hubungan disposisi pemikiran kritis dengan gaya pengajaran inkuiri dalam kalangan guru sains di Hulu Langat, Selangor. Objektif khusus kajian ini adalah seperti:

1. Mengenal pasti tahap disposisi pemikiran kritis guru sains.
2. Mengenal pasti tahap gaya pengajaran inkuiri guru sains.
3. Menentukan perbezaan tahap disposisi pemikiran kritis dari aspek pengalaman mengajar dalam kalangan guru sains.
4. Menentukan perbezaan tahap gaya pengajaran secara inkuiri dari aspek pengalaman mengajar dalam kalangan guru sains.
5. Menentukan hubungan antara disposisi pemikiran kritis dengan gaya pengajaran inkuiri dalam kalangan guru sains.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan kepada persoalan berikut:

1. Apakah tahap disposisi pemikiran kritis guru sains?
2. Apakah tahap gaya pengajaran inkuiri guru sains?
3. Adakah terdapat perbezaan signifikan tahap disposisi pemikiran kritis guru sains dari aspek pengalaman mengajar?
4. Adakah terdapat perbezaan signifikan tahap gaya pengajaran inkuiri guru sains dari aspek pengalaman mengajar?
5. Adakah terdapat hubungan signifikan antara disposisi pemikiran kritis dengan gaya pengajaran inkuiri dalam kalangan guru sains?

1.5 Hipotesis Kajian

Terdapat tiga hipotesis nol dalam kajian ini iaitu:

- H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap disposisi pemikiran kritis guru sains dari aspek pengalaman mengajar.
- H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap gaya pengajaran inkuiri guru sains dari aspek pengalaman mengajar.
- H_{03} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara disposisi pemikiran kritis dengan gaya pengajaran inkuiri dalam kalangan guru sains.

1.6 Kepentingan Kajian

Guru berperanan besar dalam menentukan keberkesanan sesebuah organisasi pendidikan dalam merealisasikan matlamat dan objektif sektor pendidikan negara. Kebolehan guru menyampaikan ilmu secara bermakna dalam proses pengajaran dan pembelajaran menyumbang kepada sistem pendidikan yang berkualiti. Rentetan itu, guru perlu kreatif dalam merancang strategi pengajaran yang mampu membuat pelajar teruja untuk mendalami bidang ilmu khususnya bagi subjek kritis. Kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh para guru untuk mengukur dan memperbaiki mutu pengajaran mereka.

Selain itu, instrumen kajian ini dapat membantu guru mengetahui tahap gaya pengajaran inkuiri yang telah diperaktikkan oleh mereka semasa mengajar sains. Guru dapat menilai kaedah pengajaran mereka bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga boleh mempelbagaikan atau menyelangselikan strategi pengajaran memandangkan pelajar mudah hilang tumpuan dengan satu jenis strategi pengajaran sahaja. Selain itu, guru boleh melihat kesan pengajaran inkuiri berbanding pengajaran secara konvensional melalui penglibatan dan pencapaian pelajar. Kajian ini turut mengukur tahap disposisi pemikiran kritis guru khususnya dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran. Hasil pengukuran ini adalah perlu kerana dapatan yang diperoleh memberi gambaran sama ada guru mempunyai disposisi atau kecenderungan yang diperlukan dalam menggalakkan pemikiran yang kritis atau tidak.

Kajian ini berkepentingan dalam memberi impak kepada pelajar bagi meningkatkan kecemerlangan akademik. Pelajar sebagai golongan pelapis negara memerlukan bimbingan yang sempurna untuk menjadi modal insan atau pemimpin yang akan menerajui negara pada masa akan datang. Pendekatan pengajaran inkuiri memberikan mereka pengalaman pembelajaran *hands-on* dan *minds-on* sekaligus menarik minat untuk mencintai ilmu. Pelajar menimba pengalaman dengan merancang dan mengendalikan sendiri proses pembelajaran mereka. Gaya pengajaran ini secara tidak langsung menyemai sifat bertanggungjawab, amanah dan kepimpinan dalam kalangan pelajar.

Kajian ini juga memberi input kepada BPK dalam inisiatif merangka strategi program atau kurikulum yang lebih sesuai dan berkesan terutamanya dalam memenuhi kehendak dan keperluan dunia semasa terhadap modal insan yang kompeten. Sebagai contoh, bengkel atau seminar mengenai gaya pengajaran inkuiri perlu dianjurkan memandangkan pendidik perlu mempunyai kemahiran spesifik untuk melaksanakan pengajaran berpusatkan inkuiri. Selain itu, penyelidik berpendapat bahawa perancang kurikulum perlu mempertimbangkan kepadatan silibus pelajaran bagi menyokong guru melakukan pengajaran inkuiri. Dari aspek pemupukan pemikiran kritis pula, perancang kurikulum wajar mewujudkan secara eksplisit subjek kemahiran berfikir sejak dari awal bangku persekolahan atau kemahiran ini disebatkan secara jelas dalam kandungan mata pelajaran. Kajian Abrami *et al.* (2008) mendapati pemikiran kritis meningkat apabila ianya diajar secara eksplisit atau secara terus. Hal ini kerana, pelajar sukar menjadi pemikir yang kritis sekiranya mereka tidak dilatih dengan aktiviti yang menjurus ke arah penghasilan output tersebut. Kajian ini diharap dapat menilai kualiti sistem pendidikan di Malaysia berdasarkan tahap pengajaran inkuiri dan pemikiran kritis.

1.7 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini terbatas kepada beberapa perkara iaitu sampel, lokasi dan konstruk kajian. Sampel kajian ialah guru yang mengajar subjek sains iaitu fizik, kimia, biologi dan sains teras. Oleh itu, dapatan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan untuk guru sains sahaja. Pemilihan guru yang mengajar sains sebagai responden adalah supaya bersesuaian dengan tujuan kajian yang menyiasat gaya pengajaran inkuiri yang sememangnya berkait rapat dengan pembelajaran sains. Kajian ini melibatkan populasi guru di daerah Hulu Langat, maka dapatan kajian hanya boleh digeneralisasikan kepada daerah Hulu Langat sahaja. Selain itu, kajian ini hanya tertumpu kepada pemboleh ubah-pemboleh ubah seperti yang dinyatakan dalam objektif kajian iaitu disposisi pemikiran kritis, gaya pengajaran inkuiri, dan pengalaman mengajar.

1.8 Definisi Konstitutif dan Operasi

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan beberapa istilah seperti berikut:

1.8.1 Disposisi Pemikiran Kritis

Facione (2000) mentakrifkan disposisi sebagai motivasi dalaman yang konsisten untuk bertindak atau memberi respon terhadap seseorang, situasi atau keadaan yang normal. Disposisi pemikiran kritis adalah komponen afektif dalam pemikiran kritis (El-Demerdash *et al.*, 2011). Dalam kajian ini, disposisi pemikiran kritis merujuk kepada motivasi dalaman untuk berfikir secara kritis apabila berhadapan dengan proses penyelesaian masalah, menilai idea atau membuat keputusan terutamanya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Terdapat tujuh subskala dalam konstruk disposisi pemikiran kritis iaitu analitik, berfikiran terbuka, kematangan, sikap ingin tahu, mencari kebenaran, sistematik dan berkeyakinan diri (Facione, 2013).

1.8.1.1 Analitik

Analitik merujuk kepada aplikasi penaakulan dan penggunaan bukti bagi menyelesaikan masalah, menjangkakan kesukaran konsep atau praktikal yang mungkin berlaku dan sentiasa peka atau konsisten terhadap keperluan untuk masuk campur (Qing *et al.*, 2010). Menurut Spaulding dan Kleiner (1992) pula, analitik ialah kecenderungan untuk peka dan berwaspada dengan apa yang mungkin akan berlaku dan dalam masa yang sama berusaha untuk menjangkakan kesan daripada keadaan atau tindakan tersebut. Dalam kajian ini, analitik ditakrifkan sebagai aplikasi penaakulan atau analisis maklumat bagi meningkatkan kefahaman dan menyelesaikan masalah.

1.8.1.2 Berfikiran terbuka

Berfikiran terbuka didefinisikan sebagai kebolehan untuk menerima pendapat yang berbeza dan peka terhadap kemungkinan diri untuk bersifat berat sebelah (Qing *et al.*, 2010). Dalam kajian ini, berfikiran terbuka merujuk kepada kesediaan individu dalam menerima pendapat orang lain dan sentiasa terbuka untuk menerima pelbagai penyelesaian terhadap satu-satu masalah yang wujud.

1.8.1.3 Kematangan

Facione *et al.* (1995) berpendapat bahawa individu yang matang dalam pemikiran adalah individu yang melihat dan menghampiri masalah, persoalan dan proses membuat keputusan dengan rasa bahawa sesetengah sukar untuk diselesaikan, sesetengahnya pula mempunyai lebih daripada satu pilihan yang munasabah, dan memerlukan banyak kali pertimbangan yang dibuat berdasarkan piawaian, konteks dan bukti. Qing *et al.* (2010) pula berpendapat kematangan sebagai kecenderungan untuk berlaku adil dalam membuat keputusan. Dalam kajian ini, kematangan merujuk kepada kemampuan individu membezakan tindakannya sama ada tepat atau sebaliknya serta bijak dalam memilih pendekatan dalam proses penyelesaian masalah dan membuat keputusan.

1.8.1.4 Sikap ingin tahu

Qing *et al.* (2010) mentakrifkan sikap ingin tahu sebagai perasaan ingin tahu secara intelektual dan keinginan untuk belajar mengenai sesuatu perkara walaupun aplikasi pengetahuan tersebut masih lagi samar-samar. Dalam kajian ini, sikap ingin tahu merujuk kepada keinginan meneroka ilmu walaupun belum pasti dengan aplikasi pengetahuan tersebut.

1.8.1.5 Mencari kebenaran

Qing *et al.* (2010) mendefinisikan mencari kebenaran sebagai kesungguhan untuk mencari maklumat dan pemahaman yang terbaik mengenai sesuatu perkara, berani bertanya, jujur dan bermatlamat dalam menjalankan penyelidikan atau mencari jawapan walaupun dapatan yang diperoleh tidak menyokong kepentingan atau pendapat individu tersebut. McBride, Bhatti, Hannan dan Feinberg (2004) berpendapat seseorang yang lemah dalam disposisi jenis ini akan cenderung untuk bergantung kepada tabiat hafalan dan bukannya bergantung kepada teori yang diuji dan metodologi. Dalam kajian ini, mencari kebenaran merujuk kepada kesungguhan mencari kebenaran ilmu bagi memperoleh kefahaman terbaik tanpa mengharap hasil yang positif sahaja.

1.8.1.6 Sistematik

Menurut Qing *et al.* (2010), sistematik ialah kebolehan untuk sentiasa teratur, tersusun, sentiasa fokus dan tekun dalam siasatan. Selain itu, sistematik turut merujuk kepada fokus dan gigih mendekati masalah pada semua peringkat keadaan (Colucciello, 1997; Facione, 1997). Dalam kajian ini, sistematik merujuk kepada strategi yang tersusun dalam usaha mendekati masalah dan penyiasatan.

1.8.1.7 Berkeyakinan diri

Pascarella dan Terenzini (2005) mendefinisikan keyakinan diri sebagai kecenderungan untuk mempercayai atau keyakinan terhadap kepentingan penggunaan akal dan pemikiran reflektif dalam menyelesaikan masalah. Qing *et al.* (2010) pula berpendapat keyakinan diri adalah elemen penting dalam proses penaakulan. Dalam kajian ini, berkeyakinan diri merujuk kepada kepercayaan dengan keupayaan kemahiran pemikiran sendiri dan kecenderungan untuk menggunakan kemahiran tersebut semasa berhadapan masalah.

1.8.2 Gaya Pengajaran Inkuiri

